

TEMA 2: KERETA NASIONAL

UNIT 6 : KERETA IDAMAN



UNIT 6

Kereta Idaman



Mendengar dan Bertutur

Kereta Pilihan

TEMA
2

Kebanyakan orang mempunyai impian untuk memiliki kereta idaman. Mereka juga mempunyai pendapat tentang kereta idaman masing-masing. Mari kita dengar pendapat mereka.



"Kereta idaman saya ialah kereta yang mudah dikendalikan. Saya memilih kereta jenis automatik kerana kereta ini mudah dipandu, terutama ketika jalan sesak."
- Puan Nurul, suri rumah.

"Saya memerlukan kereta yang besar. Kereta tersebut harus mempunyai ruang belakang yang luas supaya boleh memuatkan barang-barang perniagaan saya. Selain itu, biarlah kereta yang jimat minyak."
- Encik Azhar, peniaga.



LATIHAN 1:

1. Mengapakah Puan Nurul memilih kereta automatik?

2. Mengapakah Encik Azhar memerlukan kereta yang besar?



Menulis

Kereta Pelbagai Guna

TEMA

2

Malaysia telah berjaya mengeluarkan pelbagai jenis model kereta. Setiap kereta mempunyai keistimewaan masing-masing. Proton Arena dilancarkan pada tahun 2002. Proton Arena satu-satunya kenderaan yang berkonsepkan pikap.



LATIHAN 3: Isikan tempat kosong berpandukan gambar kereta yang diberi serta tujuan pemilihannya.

